



MSM Malaysia tingkat pengeluaran gula 36%

Kuala Lumpur: MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM Malaysia) meletakkan sasaran untuk meningkatkan jumlah pengeluaran gula sehingga 36 peratus kepada 1.5 juta tan berbanding 1.1 juta tan yang dihasilkan kini menjelang 2016.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chua Say Sin berkata, jumlah peningkatan pengeluaran itu adalah untuk menampung jumlah permintaan yang semakin tinggi serta meneroka pasaran baru.

"Kami melabur sehingga RM220 juta yang diperolehi daripada tawaran awam awal (IPO) untuk pengembangan operasi dalaman.

"Untuk tahun ini, kami

memperuntukkan sehingga RM85 juta bagi menambah kapasiti pengeluaran dan membesarkan gudang sedia ada dengan perbelanjaan untuk tujuan ini sudah digunakan sebanyak RM37 juta," katanya selepas mesyuarat agung tahunan MSM di sini, semalam.

Menurutnya, jumlah pelaburan yang peruntukkan untuk pengembangan operasi antara lain bertujuan menampung peningkatan pengeluaran daripada

3,600 tan kepada 4,600 tan gula yang dihasilkan setiap hari.

"Kami juga merancang menambah kapasiti penyimpanan gula mentah

yang setakat ini boleh menampung kira-kira 27,000 tan kepada 37,000 tan," katanya.

Chua berkata, MSM meletakkan sasaran untuk meningkatkan jumlah eksport kepada 20 peratus menjelang akhir tahun ini berbanding 15 peratus yang dicatatkan tahun lalu dengan fokus utama kepada pasaran Asia.

"Kami baru saja menje-

ngah pasaran Myanmar dan kini sedang melihat peluang untuk mencuba pasaran Vietnam berikutan jumlah penduduknya yang ramai," katanya.

Pada tahun lalu, MSM menjual sehingga 751,668 tan gula untuk pasaran domestik dengan jualan bagi eksport meningkat 3.5 peratus kepada 159,409 tan.

Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM285 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dengan jumlah perolehan mencecah RM2.3 bilion.



PENGARAH Eksekutif Bukan Bebas Tan Sri Sabri Ahmad menunjukkan laporan tahunan 2012 MSM Malaysia Holdings Berhad sambil diperhatikan Chua (tengah) dan Ketua Pegawai Kewangan, Raja Faridah Raja Ahmad.

FAKTA

MSM menjual sehingga 751,668 tan gula pada tahun lalu